

# Child Neglect

Are you guilty of it?

## Pengabaian Anak

Adakah anda bersalah melakukannya?

## What is Neglect?

The dictionary definition of neglect is “to disregard; to leave undone or unattended.” Child neglect is the most prevalent form of child abuse and the most lethal. Neglect refers to maltreatment by the parent or caregiver who either deliberately or by extraordinary inattentiveness allows the child to experience avoidable suffering.

## Types of Neglect

Neglect is typically categorised into three forms.

**Physical and medical neglect.** This is by far the most common form of neglect. It includes refusing to seek appropriate and timely medical care for the child; abandoning the child; leaving him unsupervised at too young an age; and failing to provide shelter and adequate nutrition.

**Educational neglect.** This happens when a child is allowed to be absent from school without good reason for long periods of time; is not enrolled in school despite being of school-going age; or is deprived of special education when he clearly requires it.

**Psychological or emotional neglect.** This type of neglect is difficult to recognise. Parents may withhold affection as a form of discipline but neglect can result when indifference becomes the norm and parents become oblivious to a child’s psychological needs. Refusing to touch a child, ridiculing him and isolating him from his friends and family members may inflict serious emotional and psychological damage to his psyche. Parents who allow their children to use drugs and alcohol are also guilty of psychological neglect.

## Occasional Neglect?

Many a time neglect occurs due to what we consider at that point of time to be situations beyond our control. Whilst awaiting the arrival of a new maid or domestic help, an older sibling may be left with the responsibility to clean and care for the younger children while we attend to matters outside our home. Granted that it is healthy for children to assume household responsibilities at an early age, they should never be forced to be parental substitutes. It is a burden they cannot be expected to shoulder.

Children are neither the property of their parents nor the helpless objects of charity. They are defended as individuals with rights and responsibilities appropriate to his or her age and stage of development.

*All rights for all children (UNICEF), 2009*

## Apa Maksud Pengabaian?

Menurut kamus, pengabaian bermakna “tidak menghiraukan; tidak melakukan atau tidak memberi perhatian.” Pengabaian anak adalah bentuk penderaan kanak-kanak yang paling banyak berlaku dan paling banyak membawa padah. Pengabaian merujuk kepada layanan buruk yang diberikan oleh ibu bapa atau penjaga, sama ada dengan sengaja atau kecuai luar biasa yang menyebabkan anak mengalami penderitaan yang boleh dielakkan.

## Jenis Pengabaian

Pengabaian boleh dikategorikan ke dalam tiga bentuk.

**Pengabaian fizikal dan perubatan.** Ini adalah bentuk pengabaian yang paling biasa berlaku. Ia termasuk keengganan untuk mendapatkan penjagaan perubatan yang sewajarnya dan segera untuk anak; meninggalkan anak; membiarkan anak kecil sendirian tanpa pengawasan; dan kegagalan untuk memberi perlindungan dan pemakanan yang secukupnya.

**Pengabaian pendidikan.** Ini berlaku apabila anak dibenarkan tidak pergi ke sekolah tanpa sebab yang munasabah untuk jangka waktu yang lama; tidak didaftarkan di sekolah walaupun sudah mencapai umur untuk bersekolah; atau tidak diberi pendidikan khas sedangkan si anak ternyata memerlukannya.

### Pengabaian psikologi atau emosi.

Pengabaian jenis ini sukar disedari. Ibu bapa mungkin enggan memberi kasih sayang sebagai satu bentuk disiplin tetapi pengabaian ini boleh membawa akibat apabila sikap tidak ambil peduli menjadi norma dan ibu bapa tidak menyedari keperluan psikologi anak-anak mereka. Keengganan membelai anak, mencemoi dan memencilkan anak daripada kawan-kawannya dan anggota keluarga boleh menyebabkan kerosakan emosi dan psikologi yang serius kepada jiwanya. Ibu bapa yang membenarkan anak mereka mengambil dadah dan alkohol juga bersalah kerana melakukan pengabaian psikologi.

## Pengabaian Sekali-sekala?

Pengabaian selalunya berlaku disebabkan apa yang kita anggap ketika itu sebagai situasi di luar kawalan kita. Sementara menunggu ketibaan pembantu rumah baru, anak yang lebih tua mungkin diberi tanggungjawab untuk mengurus dan menjaga adik sementara kita menguruskan sesuatu di luar rumah. Memang wajar kita melatih anak memikul tanggungjawab membuat kerja rumah sejak kecil, tetapi mereka tidak seharusnya dipaksa menjadi pengganti ibu bapa. Ini adalah satu bebanan yang tidak boleh diletakkan di atas bahu mereka.

Kanak-kanak bukan harta benda ibu bapa, dan bukan juga objek yang memerlukan belas ihsan. Mereka perlu dipertahankan sebagai individu, dengan hak dan tanggungjawab yang sepadan dengan usia dan tahap pembangunan mereka.

*Semua hak untuk semua kanak-kanak (UNICEF), 2009*



# Incidence of Child Neglect in Malaysia



**Ms Cheong Sau Kuan**  
Clinical Psychologist  
Pakar Psikologi Klinikal

The Social Welfare Department of Malaysia recorded 1,010 child neglect and abandonment cases in 2008. This is a tremendous increase from 487 and 254 cases in year 2003 and 2000, respectively.

Statistics show that females are more likely to be subjected to neglect and abandonment than males. Of the 1,010 neglect and abandonment cases recorded in 2008, 560 involved female children. A similar pattern is seen in 2009 where data collected from January to July revealed that only 194 of the 439 recorded neglect and abandonment cases involved male children.

## Spotting the Neglected Child

Some forms of neglect can be difficult to detect. Individual signs that are very subtle may not be proof of parental neglect, says clinical psychologist, **Cheong Sau Kuan** but multiple or a combination of signs may indicate a lack of attention at home. Cheong lists some of the common signs of neglect:

### Physical


- **Height and weight significantly below age level.** A child that is thin or unusually small for his or her age may be malnourished.
- **Untreated wounds or medical problems.** A child who is often sick or has injuries or cuts that are badly-infected because they were never properly attended to.
- **Poor hygiene.** The child has strong body odour, dirty fingernails and looks unkempt.
- **Clothing.** The child is inappropriately dressed or is missing key articles of clothing.

### Psychological

- **Anxiety or low self-esteem.** A child who lacks parental guidance and attention may internalise problems and be more likely to abuse alcohol, experiment with illicit drugs, smoke and overeat.

### Behavioural

- **Sleepiness or fatigue.** Falling asleep in class and other inappropriate times can be a sign of stress or parents who do not enforce regular bedtimes for the kids.
- **Consistent school absenteeism.** Truancy can be a sign of parental neglect.
- **Not wanting to go home from school.** A child who wanders the streets after school may be avoiding what he deems as an unfavourable environment at home.
- **Persistent hunger.** A child who steals, grabs and consumes food greedily may not be getting enough food and nutrition at home.
- **Complaining of abandonment.** A child who makes constant mention of being picked-up late from school or being left at home alone may be hinting at parental neglect.



# Kes Pengabaian Anak di Malaysia

Pada tahun 2008, Jabatan Kebajikan Sosial Malaysia merekodkan sejumlah 1,010 kes pengabaian dan pembuangan kanak-kanak. Angka ini menunjukkan peningkatan besar daripada 487 kes pada tahun 2003 dan 254 kes pada tahun 2000.

Perangkaan menunjukkan bahawa kemungkinan kanak-kanak perempuan diabaikan dan ditinggalkan adalah lebih tinggi berbanding kanak-kanak lelaki. Daripada 1,010 kes pengabaian dan pembuangan kanak-kanak yang direkodkan pada 2008, 560 kes melibatkan kanak-kanak perempuan. Pola yang sama dilihat pada 2009 di mana data yang terkumpul dari bulan Januari hingga Julai menunjukkan bahawa hanya 194 daripada 439 kes pengabaian dan pembuangan melibatkan kanak-kanak lelaki.

## Mengesan Kanak-kanak Terabai

Sesetengah bentuk pengabaian sukar dikesan. Sesuatu tanda yang sangat tidak ketara tidak semestinya bukti pengabaian ibu bapa, kata pakar psikologi klinikal, **Cheong Sau Kuan**, tetapi beberapa tanda atau kombinasinya mungkin menunjukkan kurang perhatian di rumah. Cheong menyenaraikan beberapa tanda pengabaian:

### Fizikal

- **Ketinggian dan berat badan jauh di bawah tahap yang sepadan dengan usia.** Kanak-kanak yang kurus atau terlalu kecil untuk usianya mungkin kekurangan zat makanan.
- **Luka tidak dirawat atau masalah perubatan.** Kanak-kanak yang kerap sakit atau mengalami jangkitan luka yang teruk mungkin menandakan penjagaan yang betul tidak pernah diberikan.
- **Comot dan kotor.** Badannya berbau, kukunya kotor dan keadaannya tidak terurus.
- **Pakaian.** Pakaianya tidak senonoh atau tidak lengkap.

### Psikologi

- **Gundah atau rasa rendah diri.** Mereka kurang mendapat bimbingan atau perhatian ibu bapa dan memendam masalah, serta lebih berkemungkinan menyalahgunakan alkohol, mencuba dadah, merokok atau makan berlebihan.

### Tingkah Laku


- **Mengantuk atau lesu.** Tertidur dalam kelas dan pada waktu lain yang tidak sewajarnya boleh menandakan tekanan atau ibu bapa yang kurang memberi penekanan terhadap peraturan waktu tidur yang tetap untuk anak mereka.
- **Kerap ponteng sekolah.** Ponteng sekolah boleh menandakan pengabaian ibu bapa.
- **Tidak mahu pulang ke rumah selepas sekolah.** Kanak-kanak yang berkeliaran di jalan selepas waktu sekolah mungkin mengelakkan apa yang dianggap sebagai persekitaran yang tidak menyenangkan di rumah.
- **Sentiasa lapar.** Kanak-kanak yang mencuri, merampas dan makan dengan gelojoh mungkin tidak mendapat makanan dan pemakanan secukupnya di rumah.
- **Merungut selalu ditinggalkan.** Kanak-kanak yang sentiasa merungut kerana ibu bapa lewat mengambil mereka dari sekolah atau ditinggalkan seorang diri di rumah mungkin membayangkan pengabaian ibu bapa.



# Reasons for Child Neglect

Child neglect occurs in all family types, even those that look well-to-do and happy. But children may be at greater risk in certain situations.

“There are multiple contributory factors for child neglect. One major reason children are neglected is because of inadequate or deficit parenting due to the time-bind faced by working parents,” says **Dr Anjli Doshi-Gandhi**, Deputy Director General of the Family Development, National Population and Family Development Board of Malaysia.



**The current economic climate is making it necessary for families to have dual incomes to counter rising costs of living.** Unfortunately, parents who return home after a hard day’s work may still need to attend to household chores, leaving them with little or no time for their children.

Poverty may also be a huge contributing factor to neglect, according to Dr Anjli. Parents struggling to feed their children may have little to spare for education and childcare. “According to the United Nations Development Programme (UNDP), in 2004, up to 24% of Sabah households live below the poverty line,” she says. “More than one-fifth of the population aged six and over has never seen the inside of a school.”

**Structural changes in the family** caused by the death or departure of a parent may also indirectly contribute to neglect. Many neglected children are a product of single or divorced parents. In fact, more than 100,000 single Malaysian mothers struggle on a daily basis, trying to provide the best for their children. Many continue to work jobs that take them away from their children as they desperately need the income.

**Large families** tend to have a higher incidence of neglect as couples with many children usually need to stretch their resources to meet basic needs.

Studies of neglectful families in America have found that neglectful families average 3.5 or more children.

Dr Anjli explains that the **age and level of maturity of the parent** is also an important factor in determining whether or not he or she can cope with the heavy responsibilities of being a parent. “More often than not, young individuals lack the emotional stability to be good, responsible parents,” she says. Studies show that neglectful and apathetic mothers tend to be impulse-ridden and childlike in their inability to consider the needs of others.

Finally, the **parent’s own developmental history** may be telling of his or her ability to react responsively and establish a meaningful relationship with a child. Individuals who as children were neglected by their parents tend to lack empathy and run a higher risk of neglecting their own children. Deprived of love and a sense of attachment, these individuals may be incapable or unwilling to provide adequate attention and affection to their children.

The ability of a parent to ensure the holistic development of his child depends on emotional maturity, coping skills, parenting skills as well as knowledge of child development, says Dr Anjli.



National Population and Family Development Board Malaysia

**Dr Anjli Doshi-Gandhi**, Deputy Director General (Policy) of the National Population and Family Development Board.

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia.

## Trouble Signs

Raising a family can be a great challenge for working parents. Here’s when you know you might need help:

- **Managing the daily needs of your child seems like an impossible task.** If you consistently fail at getting your child dressed, fed and ready for school and other activities, you may need to reassess your coping skills.
- **You feel emotionally disconnected from your child.** Feeling overwhelmed may cause you to physically and emotionally reject your child and isolate yourself.
- **Friends and relatives have expressed concern.** Carefully consider what other people are saying. Is there truth in their words? Denial is not uncommon.

# Sebab-sebab Pengabaian Anak



Pengabaian anak berlaku dalam semua jenis keluarga, termasuk juga keluarga yang kelihatan hidup mewah dan bahagia. Tetapi kanak-kanak mungkin menghadapi risiko lebih tinggi dalam situasi tertentu.

Terdapat beberapa faktor yang mengakibatkan berlakunya pengabaian kanak-kanak. Satu faktor

utama adalah kekurangan masa asuhan disebabkan ibu bapa sibuk bekerja, kata **Dr Anjali Doshi-Gandhi**, Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia.

## Situasi ekonomi semasa menyebabkan keluarga memerlukan dua sumber pendapatan untuk menampung kos sara hidup yang semakin tinggi.

Malangnya, ibu bapa yang pulang ke rumah selepas seharian bekerja tetap perlu menguruskan kerja rumah, hingga membataskan masa untuk bersama anak atau tidak mempunyai masa langsung untuk melayan anak.

Kemiskinan juga boleh menjadi punca utama, menurut Dr Anjali. Ibu bapa yang terpaksa bekerja bertungkus-lumus untuk menyara anak-anak mungkin tidak mempunyai cukup wang untuk pendidikan dan penjagaan. "Menurut Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) pada tahun 2004, sebanyak 24% daripada rumahtangga di Sabah hidup di bawah tahap kemiskinan," katanya. "Lebih satu perlima daripada penduduk berumur enam tahun ke atas tidak pernah menjejakkan kaki di sekolah."

**Perubahan struktur dalam keluarga** disebabkan oleh kematian atau pemergian ibu atau bapa secara tidak langsung boleh juga menyebabkan pengabaian. Ramai yang terabai adalah dari keluarga ibu atau bapa tunggal, atau ibu bapa yang bercerai. Malah, lebih 100,000 ibu tunggal di Malaysia terpaksa bekerja bertungkus-lumus untuk memberikan yang terbaik untuk anak mereka. Ramai yang terdesak akan melakukan kerja yang memaksa mereka meninggalkan anak kerana memerlukan sumber pendapatan tetap.

**Keluarga besar** lebih berkemungkinan mengabaikan anak kerana pasangan yang mempunyai ramai anak biasanya terpaksa mencerut pinggang untuk menampung keperluan asas keluarga. Kajian ke atas keluarga yang mengabaikan anak di Amerika mendapati mereka secara purata mempunyai 3.5 anak atau lebih.

Dr Anjali menjelaskan bahawa **usia dan tahap kematangan ibu bapa** juga adalah faktor penting yang menentukan jika mereka mampu memikul tanggungjawab berat sebagai ibu bapa. "Lazimnya, individu muda kurang kestabilan dari segi emosi untuk menjadi ibu bapa yang baik dan bertanggungjawab," katanya. Kajian juga menunjukkan bahawa ibu yang mengabaikan anak dan tidak menghiraukan mereka mempunyai kecenderungan untuk mengikut gerak hati, bersifat kebudak-budakan, dan tidak berupaya untuk menimbangkan keperluan orang lain.

Faktor akhir, **sejarah kehidupan ibu bapa** sendiri mungkin mencerminkan keupayaan ibu atau bapa untuk bertindak balas secara responsif dan menjalin

hubungan yang bermakna dengan anak mereka. Individu yang semasa kanak-kanak diabaikan oleh ibu bapa kurang berempati dan lebih berkemungkinan mengabaikan anak sendiri. Ketiadaan kasih sayang dan hubungan yang akrab menjadikan individu ini tidak mampu atau tidak mahu memberikan perhatian dan kasih sayang secukupnya kepada anak mereka.



Kemampuan ibu bapa untuk memastikan perkembangan keseluruhan anak mereka bergantung pada tahap kematangan emosi, kebolehan untuk menghadapi sesuatu, kemahiran pengasuhan serta pengetahuan perkembangan anak, Dr Anjali nyatakan.

## Tanda Masalah

Tanggungjawab menjaga dan membesarkan anak adalah amat berat dan mencabar bagi ibu yang bekerja. Tanda berikut menunjukkan anda mungkin memerlukan pertolongan:

- **Menguruskan keperluan harian anak bagaikan satu tugas mustahil.** Jika anda sentiasa gagal memakaikan baju, memberi makan dan menyiapkan anak untuk ke sekolah dan untuk aktiviti lain, anda mungkin perlu menilai keupayaan dan kemahiran anda.
- **Anda rasa terputus hubungan emosional dengan anak.** Perasaan tertekan boleh menyebabkan anda merenggangkan diri dari segi fizikal dan emosional daripada anak dan menyendiri.
- **Sahabat handai dan saudara mara menyuarakan kebimbangan.** Fikirkan dengan teliti apa diperkatakan orang lain. Adakah apa yang diperkatakan mereka itu benar? Penafian adalah biasa.

# How Neglect Can Affect Your Child

Studies show that adults who experience neglect during childhood are more likely to suffer from physical ailments such as asthma, bronchitis, ulcers and high blood pressure, which may be a result of emotional stress.

In addition, children who experience parental neglect or rejection may develop eating disorders, identity problems, anger, anxiety, depression, personality disorders and aggressive behaviours as they grow up. **“The emotional effects of neglect can result in life-long emotional problems,”** says Associate Professor Dr Teoh Hsien-Jin, Consultant Clinical Psychologist.

He adds that children suffering from parental neglect may also suffer from behavioural problems. “Research shows that neglected children are at least 25% more likely to engage in sexual risk-taking as adolescents and experience problems such as teenage pregnancy, delinquency, low academic achievement, mood swings and drug use,” says Professor Teoh. What is more alarming is that some abused and neglected children may eventually abuse or neglect their own children as adults.

That said, not all neglected children experience long-term consequences. “Outcomes of individual cases vary and are influenced by a combination of factors namely; type of neglect,





duration and severity of neglect and the child’s age when the neglect occurred,” explains Professor Teoh.

Researchers have also uncovered why, given the same conditions, some children experience long-term consequences of neglect whilst others emerge relatively unscathed. “A child’s resilience or ability to thrive following a negative experience may be due to various protective factors such as intelligence, optimism, humour, peer companionship, positive individual influences such as teachers and role models and access to social support,” says Professor Teoh.

## What is Your Parenting Style?

Parenting style is a key factor in developing a child’s personality and behaviour. Psychologist, Diana Baumrind, in a study conducted on more than 100 preschool-age children in California in the 1960s uncovered four important dimensions of parenting namely; disciplinary strategies, communication styles, warmth and nurturance and expectations of maturity and control (Baumrind, 1967).

Based on these dimensions and further studies, it is suggested that majority of parents display one of four parenting styles – **Authoritarian** (low warmth, high control), **Authoritative** (high warmth, high control),

**MMHA**  
Malaysian Mental Health Association

Associate Professor  
**Dr Teoh Hsien-Jin**  
Consultant Clinical Psychologist  
Pakar Psikologi Klinikal

**Permissive** (high warmth, low control) and **Uninvolved** (low warmth, low control).

“Studies reveal that children of authoritative parents tend to be self-reliant, capable, explorative and happy whilst authoritarian parenting generally results in children who are serious and obedient but withdrawn and socially-inept,” says Cheong Sau Kuan. “Children who are the product of permissive and uninvolved parenting styles often lack self-control and tend to be less competent than their peers,” adds Cheong.

## Avoid Neglecting Your Child

**Learn what is age-appropriate and what is not.** Having realistic expectations of what your child can handle will help you determine how much care and supervision he needs.

**Shared responsibility.** If you feel that your spouse is not pulling his weight as a parent, speak to him on how you can work together as a team. Child care responsibilities should be shared in order to build a balanced and emotionally-stable family.

**Strength in numbers.** Create a strong support network of friends, neighbours and relatives that you can draw on in times of need. It is better to let your child be in the company of trusted adults than home alone. Have your neighbour look in on your child if you have to work late.

**Develop new parenting skills.** Exchange notes and get tips from other parents. Parenting classes, seminars and books are also a great source of information.

# Bagaimana Pengabaian Boleh Menjejaskan Anak Anda

Kajian menunjukkan orang dewasa yang terabai semasa zaman kanak-kanak lebih berkemungkinan menghidap penyakit fizikal seperti asma, bronkitis, ulser dan tekanan darah tinggi, yang mungkin disebabkan oleh tekanan emosi.

Di samping itu, kanak-kanak yang terbiar atau diabaikan oleh ibu bapa mungkin mengalami masalah makan, masalah identiti, kemarahan, kegelisahan, kemurungan, gangguan personaliti dan berkelakuan ganas apabila mereka besar.

**“Pengabaian boleh memberi kesan emosi yang mungkin kekal sepanjang hayat,”** kata **Profesor Madya Dr Teoh Hsien-Jin**, Pakar Perunding Psikologi Klinikal.

Menurutnya, kanak-kanak yang diabaikan oleh ibu bapa mungkin juga berkelakuan buruk. “Penyelidikan menunjukkan sekurang-kurangnya 25% daripada kanak-kanak terabai lebih berkemungkinan menjadi remaja yang terlibat dalam kegiatan seks berisiko dan terjebak dalam pelbagai masalah seperti kehamilan, kelakuan tidak senonoh, kelemahan dari segi akademik, ketidakstabilan mental dan penyalahgunaan dadah,” kata Profesor Teoh. Lebih membimbangkan, kira-kira satu pertiga daripada kanak-kanak yang teraniaya dan terabai mungkin menjadikan anak-anak mereka sendiri sebagai mangsa apabila mereka dewasa.

Namun, bukan semua kanak-kanak terabai mengalami kesan jangka panjang. “Hasil kajian ke atas kes individu adalah berbeza dan dipengaruhi oleh kombinasi pelbagai faktor, khususnya jenis pengabaian, tempoh dan tahap pengabaian, dan usia anak apabila pengabaian berlaku,” jelas Profesor Teoh.

Pakar penyelidik juga menemui sebab, berasaskan situasi yang sama, mengapa sesetengah kanak-kanak mengalami kesan pengabaian jangka panjang manakala yang lain hampir tanpa kesan. “Daya tahan atau keupayaan kanak-kanak untuk terus membesar selepas melalui pengalaman negatif mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor perlindungan dan asuhan, termasuk kelebihan individu seperti kepintaran, kreativiti dan kelucuan, persekitaran sosial kanak-kanak, penerimaan rakan sebaya, pengaruh positif individu seperti guru dan orang berteladan, serta sokongan sosial yang boleh didapati oleh keluarga,” katanya.

## Apakah Gaya Asuhan Anda?

Gaya asuhan adalah faktor penting dalam membentuk personaliti dan tingkah laku anak. Dalam satu kajian yang dilakukan ke atas lebih 100 kanak-kanak tadika di California pada lewat tahun 1960-an, pakar psikologi Diana Baumrind mengenal pasti empat dimensi asuhan yang penting: strategi disiplin, gaya komunikasi, kemesraan, dan bimbingan dan harapan dari segi kematangan dan kawalan. (Baumrind, 1967).



Berdasarkan dimensi ini dan kajian selanjutnya, ia menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa mengamalkan satu daripada empat gaya asuhan – **Kuku Besi** (kurang kemesraan, lebih kawalan), **Pemerintah** (lebih kemesraan, lebih kawalan), **Pengizin** (lebih kemesraan, kurang kawalan) dan **Tidak Terlibat** (kurang kemesraan, kurang kawalan)

“Kajian menunjukkan bahawa anak yang mempunyai ibu bapa yang ‘pemerintah’ lebih berdikari, berkeupayaan tinggi, bersifat ingin tahu dan riang gembira, manakala asuhan gaya ‘kuku besi’ menjadikan anak-anak serius dan patuh kepada ibu bapa tetapi gemar menyendiri dan tidak berminat dalam pergaulan sosial.” kata Cheong Sau Kuan. “Anak-anak yang dibesarkan oleh ibu bapa yang ‘pengizin’ dan tidak mahu melibatkan diri biasanya kurang kawalan diri dan kurang cekap daripada rakan sebaya mereka,” tambahnya.

## Jangan Abaikan Anak Anda

**Belajar apa yang sesuai mengikut usia mereka.** Meletakkan harapan yang realistik dan menilai keupayaan anak boleh membantu anda menentukan sejauh mana penjagaan dan pengawasan yang diperlukan mereka.

**Kongsi tanggungjawab.** Jika anda rasa pasangan anda tidak menjalankan peranan sebagai ibu bapa, bincangkan dengannya cara anda berdua boleh bekerja berpasukan. Tanggungjawab menjaga anak patut dikongsi bersama untuk membina keluarga yang seimbang dan menjamin kestabilan emosional.

**Lebih ramai, lebih kuat.** Jalin hubungan kukuh dengan kawan, jiran dan saudara-mara yang boleh membantu dan beri sokongan di saat anda memerlukan. Adalah lebih baik meninggalkan anak anda di tangan orang dewasa yang anda percayai daripada meninggalkannya seorang diri di rumah. Minta jiran anda menjenguk dan mengawasi anak anda jika anda terpaksa bekerja lewat.

**Belajar kemahiran baru.** Anda boleh berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan dengan ibu bapa lain, dan juga mendapatkan petua daripada mereka. Anda juga boleh menimba pengetahuan daripada kelas asuhan, seminar dan buku.



# Physical and Medical Neglect

In the medical profession, the term failure

to thrive (FTT) is used to describe infants or young children who are underweight or malnourished. "A child is said to be suffering from failure to thrive when he falls below the 3rd percentile in weight and height according to standard weight and height charts," says **Professor Datuk Dr Mohd Sham Kassim**, Professor of Paediatrics in Faculty of Medicine and Health Sciences, Universiti Putra Malaysia.

"Physical symptoms of FTT include a wasted body, dark circles around the eyes, wispy, dull and sometimes falling hair, vomiting and diarrhoea. Children with FTT are also often lethargic, listless and unresponsive," he adds.

**Child neglect is one of the causes of failure to thrive in children.** And because early malnutrition can severely affect early brain development, prompt recognition and early intervention is crucial to manage and encourage positive outcomes. "Most children with failure to thrive can be assessed by a paediatrician with the aid of professionals in other disciplines." The clinical evaluation of the condition would

include a comprehensive history, physical examination and feeding observation.

Inadequate and improper feeding methods are among the most common reasons children do not develop to their fullest potential. "In Malaysia, up to 10% of pre-schoolers are underweight due to no obvious medical reasons," he explains. "Parents need to be aware that feeding children diluted milk, rice-based cereals and biscuits do not provide the necessary protein and building blocks for healthy weight, height and brain growth."

He adds that it is also the **responsibility of parents to see that their children are protected from the ravages of serious illnesses.** Parents who neglect their children's need for medical attention often do not realise the potential risks of infectious diseases until it is too late or there is irreparable damage to the child's health, says Professor Datuk Dr Sham. For example, make sure that children are well hydrated when they suffer diarrhoea. Seek medical attention immediately if you're not sure what's going on. In addition, a parent should be extra careful when an ill child appears listless and uncommunicative. There may be something serious going on,

and medical help should be sought as soon as possible.

Another area of concern is **immunisation of infants and children.** According to Dr Sham, although the immunisation rate for infants in Malaysia is 90%, there is still a sizeable group of people who are eschewing this process.

"Some parents believe that vaccines may be detrimental to their children's health while others think they can protect their children by isolating them from their peers and society in general". He adds on, "But what most parents are unaware of is that adults may be carriers of infectious diseases like whooping cough and yet show no symptoms so there is a chance that unvaccinated children may still get infected with serious illnesses later in life."

## Pengabaian Fizikal dan Perubatan

Dalam bidang perubatan, istilah kegagalan pertumbuhan (FTT) digunakan atas kanak-kanak muda yang kurang berat badan atau malnutrisi. "Kanak-kanak tersebut dikatakan mengalami kegagalan pertumbuhan jika bacaan berat dan ketinggian adalah bawah daripada persentil ketiga mengikut carta tetap untuk berat badan dan ketinggian," kata **Profesor Datuk Dr Mohd Sham Kassim**, Profesor Pediatrik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia.

Gejala fizikal FTT termasuk badan lemah, lingkaran hitam pada mata, diam, tidak bermaya, ada kalanya keguguran rambut, muntah dan cirit-birit. Kanak-kanak FTT juga kerap tidak bertenaga, lesu dan kurang responsif," tambah Prof Datuk Sham.

**Pengabaian kanak-kanak adalah salah satu sebab berlakunya kegagalan pertumbuhan di kalangan kanak-kanak.** Masalah malnutrisi yang berlaku awal akan mempengaruhi perkembangan otak awal. Kenal pastian dan intervensi awal adalah penting untuk mengurus dan menggalakkan keputusan positif. "Kebanyakan kanak-kanak ini boleh dinilai oleh pakar pediatrik dengan bantuan pakar dari bidang lain." Penilaian klinikal ini termasuk mengkaji sejarah kanak-kanak secara komprehensif, pemeriksaan fizikal dan pemerhatian pemakanan.

Pemberian makanan yang tidak mencukupi serta tidak mengikut keperluan nutrisi adalah punca biasa kanak-kanak tidak membesar dengan potensi penuh. "Di Malaysia, sebanyak 10% daripada kanak-kanak prasekolah kurang berat badan yang bukan disebabkan masalah perubatan," beliau menjelaskan. "Ibu bapa harus sedar memberi mereka susu dicairkan, bijirin beras dan biskut tidak membekalkan protein dan blok binaan yang diperlukan untuk mencapai berat badan dan ketinggian yang sihat, serta perkembangan otak."

Beliau menambah bahawa adalah **tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan anak mereka dilindungi oleh penyakit serius.** Mereka yang lalai untuk mendapatkan bantuan perubatan untuk anak mereka biasanya tidak sedar potensi risiko jangkitan sehingga ia terlambat atau menyebabkan kemudaratan, kata Profesor Datuk Dr Sham. Contohnya, pastikan anak anda sentiasa diberi cecair yang mencukupi apabila mengalami cirit-birit. Jumpa dengan doktor serta merta jika anda tidak pasti keadaannya. Malah, ibu bapa harus berwaspada jika anak kelihatan lesu dan agak diam. Mungkin sesuatu yang serius sedang berlaku dan bantuan perubatan patut didapatkan secepat mungkin.



**Malaysian Paediatric Association**  
**Professor Datuk Dr Mohd Sham Kassim**  
Professor of Paediatrics, Faculty of Medicine & Health Sciences, Universiti Putra Malaysia  
Profesor Pediatrik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia



**Imunisasi bayi dan kanak-kanak juga adalah penting.** Mengikut Dr Sham, walaupun kadar imunisasi untuk bayi di Malaysia adalah 90%, namun masih terdapat segolongan yang meragu atau khuatir kepentingan imunisasi.

"Ada ibu bapa yang mempercayai bahawa vaksin akan memburukkan keadaan kesihatan anak mereka manakala ada yang rasa mengasingkan anak mereka dari rakan sebaya dan masyarakat umum akan membantu melindungi kesihatan." Beliau bertambah, "Malangnya, kebanyakan ibu bapa masih tidak sedar bahawa orang dewasa mungkin merupakan pembawa penyakit berjangkit seperti batuk kokol, dan tidak menunjukkan gejala penyakit. Masih ada kemungkinan kanak-kanak yang tidak divaksinasi akan dijangkiti dengan penyakit serius di kemudian hari."



# Make Your Child Your Top Priority



Malaysian Paediatric Association

## Datuk Dr Zulkifli Ismail

Past President,  
Malaysian Paediatric Association  
& Chairman, Positive Parenting  
Management Committee  
Mantan Presiden, Persatuan Pediatrik  
Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa  
Pengurusan Positive Parenting

All parents want their children to be happy and well-adjusted. However, not many parents are aware that their style of parenting and lack of communication are the reasons behind their child's uncommunicativeness and mischievous behaviour.

"Your involvement in your child's life is the strongest and most consistent predictor of his mental health, adjustment and wellbeing," says **Datuk Dr Zulkifli Ismail**, Past President of the Malaysian Paediatric Association & Chairman of the Positive Parenting Management Committee. "Children with involved parents feel better about themselves, do better in school and are less likely to get into trouble," he adds.

Therefore, spend quality time with your child. Take time off to go to his football games, swimming meets and piano recitals. Do something you both enjoy. "Children often relate what's important to them in a casual way when they are relaxed and happy," says Datuk Dr Zulkifli. "You'll learn more about how your child is coping in school, his friends and interests before you know it. Always listen to what your child is saying and think about what he is trying to express from non-verbal cues. Stop trying to tell your child everything without listening to his needs."

It also pays to have regular family dinners where you can reconnect with your child and spouse on the events and happenings of the day and share ideas on issues and activities.

Being an involved parent takes time and often means rethinking your priorities. It may mean less time at the office and sacrificing what you want for what your child needs. But wouldn't you rather give your child a memorable and well-adjusted childhood than realise much too late that you have missed out on the best years of your child's growing up years? **PP**



## Jadikan Anak-Anak Keutamaan Anda

Semua ibu bapa mahukan anak mereka riang gembira dan pandai menyesuaikan diri. Bagaimanapun, tidak ramai ibu bapa yang sedar bahawa gaya asuhan mereka dan kekurangan komunikasi antara sebab di sebalik kenakalan anak mereka dan sikap suka memencil diri.

"Penglibatan anda dalam kehidupan anak adalah pengaruh yang paling kuat dan paling konsisten ke atas kesihatan mental, penyesuaian diri dan kesejahteraan mereka," kata **Datuk Dr Zulkifli Ismail**, bekas Presiden Persatuan Pediatrik Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Asuhan Positif. "Kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang melibatkan diri dalam kehidupan mereka akan lebih yakin dengan diri sendiri, memberikan prestasi lebih baik di sekolah dan kurang berkemungkinan terlibat dalam masalah," tambahnya.

Justeru, luangkan masa yang berkualiti untuk bersama anak. Pergilah menonton permainan bola, acara renang dan persembahan piano mereka. Lakukan aktiviti yang anda berdua gemari bersama. "Kanak-kanak selalunya menyatakan apa yang penting kepada mereka dengan bersahaja apabila mereka merasa senang dan gembira," katanya. "Tanpa disadari, anda akan tahu lebih banyak tentang pergaulan anak anda di sekolah, kawan dan minat mereka. Sentiasa dengar kata-kata anak dan fikirkan apa yang hendak dikatakannya dari gerak-gerinya. Jangan hanya memberi arahan kepada anak sahaja tanpa mendengar keperluannya."

Makan malam bersama membolehkan anda menjalin semula hubungan dengan anak dan pasangan anda sambil berbual mengenai apa yang dilakukan mereka pada siangnyanya dan berkongsi idea, isu dan aktiviti.

Untuk menjadi ibu bapa yang bijak melibatkan diri dengan anak, anda perlu mengambil masa dan memikirkan semula tentang keutamaan anda. Ini mungkin bermakna anda terpaksa mengurangkan masa di pejabat dan mengorbankan kepentingan diri demi anak. Anda tentu tidak mahu terlepas peluang untuk melihat anak anda membesar menjadi remaja yang bijak dan periang! **PP**